

## **TAKLIMAT TANGGUNGJAWAB MAJIKAN AKTA LHDN**

Taklimat Tanggungjawab Majikan Akta LHDN telah disampaikan oleh Puan Asmak binti Abdullah, ketua unit PCB Cawangan Kuantan di Kompleks Chengal pada 10 Disember 2019. Taklimat ini telah dihadiri Pengurus Ladang, Ketua Kerani dan Pembantu Kerani Ladang.

Objektif taklimat adalah memberi pendedahan kepada pihak ladang mengenai tanggungjawab majikan di dalam melaksanakan cukai pendapatan bulanan (PCB) kepada rakyat Malaysia dan bukan rakyat Malaysia.

Penceramah menekankan kepada subseksyen 83(2)(3)(4) mengenai pekerja-pekerja asing yang mula bekerja di ladang mesti dimaklumkan kepada pihak LHDN dalam tempoh 1 bulan dari kemasukan.

Cukai yang dikenakan kepada warga asing adalah 28% yang berstatus 'non resident' selama 182 hari. Jika gagal melaporkan kepada pihak LHDN denda pertama RM200.00-RM300.00. Kesalahan seterusnya RM500.00-RM700.00 dan maksimum RM7,000.00 seorang.